

UCAPAN Y.A.B. DATUK HUSSEIN ONN,  
PERDANA MENTERI, DI MAJLIS

PENYAMPAIAN HADIAH SASTRA

DI DEWAN JAMUAN, HOTEL FEDERAL,

KUALA LUMPUR, PADA HARI SABTU,

29HB MEI, 1976, JAM 8.00 MALAM.'

Saudara Pengerusi Majlis,  
 Saudara Pengerusi <sup>Penal</sup> Hadiah Karya Sastra, Y.B. Tan  
 Sri Ghazali Shafie,

Ahli-Ahli Penal Hadiah Sastra,  
 Y.B. Menteri dan Timbalan Menteri,

Saudara Pengerusi Lembaga Pengelola Dewan  
 Bahasa dan Pustaka,

Para penulis dan saudara-saudara sekalian.

---

Saya merasa amat sukacita dan gembira  
 bahawa apa yang telah dimulakan oleh Allahyarham  
Tun Abdul Razak dalam lapangan kesusasteraan  
 khasnya, dan kebudayaan amnya, dapat berjalan  
 dengan lancar dan sempurna sehingga ke hari ini.  
 Dan saya berharap, usaha membimbing dan memajukan  
 sastra Malaysia kita, akan berjalan dengan lebih  
 maju dan lancar, setingkat demi setingkat

pada masa yang akan datang. Ini, saya percaya, adalah hasrat kita semua.

2. Saya merasa syukur kerana dalam majlis ini, saya dapat menemui saudara-saudara daripada golongan penulis dan budayawan tanahair, yang telah berkumpul setahun sekali, dalam satu majlis seperti ini. Oleh itu, saya mengambil kesempatan ini mengalu-alukan kehadiran para tetamu, dari jauh dan dekat, yang ikut sama memeriahkan malam ini, yang pada hemat saya, amat besar erti dan kesannya, dalam kehidupan seni budaya negara kita.

3. Di samping mengucapkan tahniah kepada para penulis yang karyanya telah diberikan

penghargaan dan hadiah sebentar tadi, saya juga ingin menyatakan penghargaan kepada penulis yang telah memberi sumbangan sepanjang tahun, dan terimakasih yang ikhlas kepada para anggota Penal yang menjalankan kerja yang luas, rumit dan memerlukan pandangan dan ulasan yang amat tinggi dan constructive ini.

4. Dalam hubungan ini, apa yang diucapkan oleh saudara Pengerusi Penal sebentar tadi, sungguh memberikan harapan dan petanda baik kepada kita sekalian bahawa, sastera kita makin hari makin bertambah baik dan tinggi mutunya. Para penulis kita juga makin berdedikasi dan makin serious dalam menghadapi tugasnya. Saya sangat menjunjung tinggi usaha para penulis

yang mempunyai daya imajinasi dan kreativiti, serta sentiasa menambah dedikasi dan kesungguhannya. Setiap karya mereka itu telah dapat memancarkan aspek penghidupan rakyat di negara ini sehari-hari, dan di masa yang akan datang.

5. Kita tentulah faham bahawa dengan bertambahnya kesungguhan dan dedikasi para penulis, akan bererti pula bertambahnya kehalusan perasaan mereka, meningkatnya seni adab dan tertib mereka, bertambahnya understanding dan pengertian mereka terhadap manusia dan masaalahnya, serta jua alam sekeliling yang mempengaruhi hidup kita setiap hari dan setiap zaman. Perkembangan inilah, pada hemat saya,

yang pada hakikatnya, memungkinkan lahirnya karya sastra yang penuh bererti, yang memberi kesan, yang mendalam serta bermutu tinggi.

Saudara-saudara sekalian,

6. Di samping itu, saya tidak pula lupa pada tiap-tiap satu kerja dan tiap-tiap usaha yang dirancangkan untuk mencapai sebarang kemajuan, adalah bergantung besar kepada sistem pentadbiran yang cekap dan teratur, seperti juga halnya dengan kemampuan dan kecekapan setiap orang daripada kita menguasai akan perjalanan hidup kita. Dalam hal ini, seperti lazimnya berlaku setiap tahun, saya inginlah menyatakan penghargaan yang setinggi-tingginya

kepada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka yang telah menjadi Sekretariat Penal Hadiah Sastra semenjak ianya dimula dan dilancarkan, disamping mengadakan peruntukan hadiah dan lain-lain. Pengorbanan yang telah diberikan oleh setiap anggota Penal dan juga Sekretariat ini, telah menjadi nadi kepada usaha kita menghidup dan membangkitkan seni sastra dan seni budaya kita. Sekalipun ada pandangan yang agak kritikal dari pihak tertentu, khasnya Pak Pandir Modern, terhadap usaha Penal ini, tetapi saya percaya mereka tidak mengukur dengan kaca mata untung rugi sahaja. Namun demikian, kita mengharapkan semoga usaha mereka itu mendapat nilai dan penghargaan dari setiap kita.

7. Majlis seperti ini merupakan satu perjumpaan yang agong, di mana saya dapat merasakan kemesraan dan <sup>ke-gai-rah-han</sup> keghairahan para penulis, para penyajak, para sastrawan dan budayawan dan lain-lain. Malam ini merupakan malam pesta bagi kaum penulis dan sastrawan kita, kerana inilah peluang bagi kita untuk bertemu, berkenalan, dan mengenalkan fikiran dan fahaman, yang berkaitan dengan sastra dan budaya kita. Saya sangat terharu dengan semangat ini. Saya sesungguhnya sangat merasakan kesan dari kemesraan hasil pergaulan ini.

Saudara-saudara sekalian,

8. Tidaklah perlu bagi saya untuk mengulang apa yang telah kerap kali dikatakan oleh

Allahyarham Tun Abdul Razak dan lain-lain pemimpin negara, bahawa pembinaan dan pembangunan satu-satu bangsa dan ~~satu~~ negara, tidaklah memadai dengan pembangunan politik <sup>dan</sup> ekonominya semata-mata. Rakyatlah mesti juga disediakan untuk menerima dan memikul tugas pembangunan, dengan semangat dan kesedaran sosial, dengan semangat dan kesedaran kebudayaan, yang menjadi teras sesuatu bangsa itu.

9. Pada hemat saya, kesedaran sosial dan kesedaran kebudayaan merupakan satu aspek yang sangat perlu dalam pembentukan peribadi sesebuah masyarakat, khasnya negara yang membangun. Pada analisa terakhir, peribadi anggota masyarakat yang dibentuk dan dicorakkan

menurut nilai yang sejajar dengan keperibadian bangsa itu, yang menentukan berjaya atau gagalnya sebarang rancangan kemajuan politik dan ekonomi negara. Seperti pernah dikatakan bahawa bangsa yang kuat ialah bangsa yang tinggi moralnya. Hanya bangsa yang gigih dan mempunyai disiplin dan inisiatif sahajalah, yang mampu untuk mencapai kemajuan yang tulen. Kita mestilah sama-sama menuju kepada pencapaian tujuan itu.

10. Demikian juga, ketinggian mutu sastra dan dengan meluasnya keinginan membaca karya sastra yang bermutu, adalah sentiasa menjadi tenaga pendorong atau memberikan pimpinan yang

amat penting dan sangat berkesan dalam pembentukan peribadi anggota masyarakat. Perkara ini patutlah kita tanamkan kepada warisan kita, jenerasi kita di masa ini dan yang akan datang.

11. Dalam hubungan ini, saya tidak sahaja menghargai peranan para penulis, para intelek dan pihak-pihak pentadbir, tetapi juga tidak kurang penghargaan saya kepada peranan yang dimainkan oleh para penerbit, para pengedar, mass media dan alat-alat sebaran yang lain, yang memungkinkan sampainya segala hasil karya sastra kepada rakyat terbanyak, yang tersebar luas di seluruh negara. Adalah menjadi harapan saya dan Kerajaan, bahawa peranan dan

penghargaan ini akan terus diberikan oleh pihak-pihak yang berkenaan, khususnya mass media, dengan segala ketelitian dan dedikasi yang lebih rapi.

Saudara-saudara sekalian,

12. Bercakap mengenai kebudayaan dan alam sastra, bagi pihak Kerajaan dan saya sendiri, usaha memaju dan meninggikan mutu sastra di negara ini, sudah pasti akan diterus dan disokong dengan kuatnya. InsyaAllah, cita-cita Allahyarham Tun Abdul Razak untuk memberi penghargaan yang lebih tinggi kepada para penulis yang memberikan jasa yang besar dan mutu yang gemilang kepada sastra kita, akan kita tunaikan dengan beransur-anasur, menurut konsep dan nilai

yang kita mampu. Akan tibalah masanya jua yang negara akan memberikan anugerah sastra, anugerah karyawarta, seperti yang dicita-citakan oleh Allahyarham itu. Dan dalam hubungan ini, saya mengharapkan bukan sahaja pihak Kerajaan yang akan menentukan hakikat pencapaian itu, tetapi saudara-saudara, para penulis dan para sastrawan adalah mempunyai tugas dan tanggungjawab yang sama, kerana anugerah sastra atau karyawarta tidak akan wujud, tanpa wujudnya sastra yang bermutu yang boleh dianugerah dan dinilai, menurut harga dan mutunya.

13. Demikian juga, saya<sup>ber</sup>harap akan sampailah masanya untuk kita memberikan Anugerah Sastra Rantau ASEAN, seperti yang dirancangkan. Dalam

hal ini, bolehlah saya nyatakan bahawa konsepnya telah diterima. Pelaksanaannya bergantung kepada persetujuan teknik seperti bahasa dan lain-lain.

Saudara-saudara sekalian,

14. Mengalih kepada aspek lain, saya ingin mengajak saudara-saudara memandang kembali ke belakang, ke halaman sejarah perjuangan kemerdekaan kita, sebelum dan sesudah perang dunia kedua. Saya sendiri, akhir-akhir ini, sering memerhati dan memikirkan bahawa sejarah perjuangan kemerdekaan kita penuh di isi oleh peranan para penulis dan pejuang sastra yang mempelopori kebangkitan kesedaran

kebangsaan dan kesadaran sosial bangsa kita, yang akhirnya menjadi satu dorongan mematangkan fikiran umum untuk menuntut kemerdekaan dan kemudiannya menegakkan kemerdekaan itu. Kita dapat memastikan bahawa, pembentukan peribadi nasional oleh para penulis, telah menjadi salah satu peranan yang amat penting dalam sejarah pembangunan kebangsaan kita.

15. Beratus-ratus penulis, semenjak zaman tumbuhnya kesadaran kebangsaan dulu, telah memberikan jasanya dalam lapangan pembentukan peribadi nasional, yang mendorong tumbuhnya kematangan fikiran rakyat untuk menuntut kemerdekaan. Dan dalam peringkat-peringkat tertentu, dari satu peralihan masa ke suatu ~~masa~~

masa yang lain, beberapa penulis yang juga pejuang kebangsaan ini, telah menjadi galang ganti bagi menyambungkan yang lama dengan yang baru, sehingga semangat dan perjuangan itu hidup terus hingga ke hari ini.

16. Dalam zaman penjajahan dan zaman permulaan kemerdekaan, para penulis atau pejuang ini sama menghadapi penderitaan, ancaman dan ugutan, seperti pejuang-pejuang kemerdekaan yang lain. Dan dengan dasar pemikiran yang tegas bahawa sastra mempunyai bahagian yang penting, dalam pembentukan peribadi rakyat yang mendukung tugas nasional, mereka itu masih lagi berjuang dan bekerja, mencipta atau memberikan khidmat dalam lapangan sastra kita hingga sekarang.

17. Saya merasa amatlah wajar orang-orang yang berjasa ini dihormati dan diberi tanda penghargaan. Saya sedar bahawa bilangan mereka itu adalah ramai. Tetapi, dari segi memberikan hadiah, apalah daya, kerana Kerajaan kita adalah Kerajaan Malaysia Berhad. Namun demikian, sejajar dengan semangat memberi penghargaan ini, saya dengan sukacita dan ikhlasnya, pada malam ini, ingin menyampaikan penghargaan yang berupa Hadiah Pejuang Sastra kepada beberapa orang yang terlibat, menurut zamannya. Saya persilakan:-

1. Saudara Dr. Ishak bin Haji Muhammad,  
yang terkenal dengan nama samaran  
Hantu Raya;
2. Saudara A. Samad bin Ismail;
3. Saudara Kamaludin bin Muhammad atau  
Keris Mas;
4. Saudara Usman bin Awang atau  
Tongkat Waran;
5. Saudara A. Samad bin Said;  
dan
6. Saudara Shannon bin Ahmad.

*Hadiah Pejuang Sastra ini adalah berupa  
wang sebanyak \$10,000/=.*

*Jemput konsil kehadiran Saudara? \_ \_ \_ \_*

*(SAMPAIKAN HADIAH KEPADA MEREKA)*

18. Saya merasa sukacita kerana telah dapat menyempurnakan satu tugas yang diamanahkan kepada saya. Pemilihan tokoh-tokoh sastra ini, saya harap akan dapat diterima tanpa kritik atau bantahan. Saya inginlah memberi penjelasan bahawa pemilihan ini dibuat atas asas-asas tertentu, menurut pertimbangan dan nasihat dari orang-orang yang pakar.

19. Satu perkara yang penting ialah dalam karya sastra, tokoh-tokoh ini telah dapat menimbulkan kesedaran rakyat dalam perjuangan suci tanahair, dan telah dapat pula menjadi rangkaian dalam menghubungkan satu masa atau zaman menurut peredaran politik dan sejarah negara.

20. Dr. Ishak atau Pak Sako yang masih produktif dalam karyanya, telah dapat menghubungkan zaman sebelum perang, memasuki zaman Jepun hingga ke zaman lepas perang, sekalipun telah menghadapi banyak rintangan dan kesulitan. Usaha ini diteruskan oleh saudara Samad Ismail dan kemudiannya oleh Saudara Kamaludin atau Keris Mas, Usman Awang, Samad Said dan Shahnnon. Meskipun mereka ini termasuk dalam angkatan zaman Jepun dan Angkatan Asas 50, tetapi mereka terus berkhidmat dan terus mencipta hingga ke hari ini. Inilah satu semangat dan satu khidmat yang patut mendapat pujian.

21. Mungkin keterangan yang ringkas ini tidak memadai atau tidak adil dalam memberikan nilai kepada tokoh-tokoh yang telah berjasa. Saya berhajatlah untuk memberikan satu penjelasan yang lebih detail yang diharap akan jadi satu bahan kajian oleh peminat-peminat sastra di negara kita dan luar negeri.
22. Akhirnya, saudara-saudara, saya harap para penulis yang hadir pada malam ini dan yang lainnya di seluruh pelusuk tanahair, dapat menyertai saya mengucapkan tahniah setinggi-tingginya kepada enam tokoh sastra tadi yang menerima hadiah penghargaan itu. Dan saya harap juga mereka yang saya


sebutkan namanya tadi tidak terkejut, kerana hal ini belum saya umumkan terlebih dahulu. Harapan saya yang paling penting ialah supaya mereka sudi menerima penghargaan itu dengan semangat yang sewajarnya.

23. Sebenarnya, hadiah ini amat kecil, tetapi ini hanya sebagai tanda sahaja dari suatu penghargaan yang tinggi terhadap suatu jasa yang nilainya tidak patut ditimbang dengan jumlah wang.

Terimakasih.



ARKIB PERBANKA MINISTRI  
PERKHIDMATAN



**PERKHIDMATAN  
ARKIB PERDANA MENTERI**



25/74 JUL 1978



No. Siri .....	192
No Penerimaan .....	9/78